



MESYUARAT MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN (MVK) BIL 3/2019

Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) merupakan suatu badan yang ditubuhkan berpandukan kepada Akta Veteran 2012 atau Subseksyen 3 Akta 740. Pelantikan Ahli MVK yang pertama adalah dibuat pada 1 Jun 2016.

Mesyuarat MVK yang pertama telah dilaksanakan pada 24 Disember 2018. Di dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa Kecil MVK dan Jawatankuasa Kerja MVK telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan empat (4) kertas kerja yang mana merupakan kertas kerja inisiatif-inisiatif yang perlu di ambil untuk membantu dan menjaga kebajikan veteran ATM.

Pada mesyuarat MVK kedua iaitu pada 28 Februari 2019 (Khamis) telah membincangkan serta memperhalusi empat (4) kertas kerja yang telah disediakan oleh Jawatankuasa kecil dan Jawatankuasa Kerja MVK. Empat (4) kertas kerja yang telah disediakan adalah Inisiatif Perumahan kepada Veteran AT, Pelaksanaan dan Pengurusan Tabung Pahlawan, Inisiatif Bantuan Kewangan kepada Veteran Tidak Berpencen dan juga inisiatif usaha kerajaan di dalam memastikan kesejahteraan warga ATM setelah menamatkan perkhidmatan.

Mesyuarat MVK ketiga yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Hj. Mohamad bin Sabu yang diadakan pada hari ini, 27 Mei 2019 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Pertahanan adalah lebih menjurus kepada pembentangan status semua empat (4) kertas kerja tersebut.

Kesemua inisiatif-inisiatif yang dinyatakan ini adalah bagi membantu kebajikan veteran ATM demi meringankan beban kos sara hidup dan sosio ekonomi veteran ATM yang kian mencabar pada masa kini.

Turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM; Mejar Jeneral Dato' Dzulkarnain bin Ahmad, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota; Mejar Jeneral Dato' Haji Azlan bin Abd Rahman, Presiden Persatuan Veteran ATM, Kapten Datuk Sharuddin bin Haji Omar (Bersara), Presiden Persatuan Veteran TLDM, YB Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid TLDM (Bersara), Presiden Persatuan Veteran TUDM, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM (Bersara) dan Veteran ATM, Mejar Anuar bin Abdul Hamid (Bersara).

Nota Tambahan:

Senarai Ahli-ahli Tetap Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) seperti yang diperuntukkan oleh Akta Veteran 2012 adalah seperti berikut:

1. Menteri Pertahanan – Pengerusi
2. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan – Timbalan Pengerusi
3. Ketua Pengarah JHEV – Setiausaha
4. Asisten Ketua Staf (Perkhidmatan Anggota) – Ahli

Seksyen 3 (2) Akta Veteran 2012 juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri Pertahanan untuk melantik tidak lebih daripada lima (5) orang ahli untuk menganggotai MVK. Ahli yang telah dilantik adalah seperti berikut:

1. Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin - Panglima Angkatan Tentera;
2. Kapt Datuk Shahrudin bin Hj Omar (Bersara) - Presiden Persatuan Veteran ATM;
3. YB Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid TLDM (Bersara) - Presiden Persatuan Veteran Tentera Laut DiRaja Malaysia (PVTLDM);
4. Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM (Bersara) - Presiden Persatuan Veteran Tentera Udara DiRaja Malaysia (PVTUDM); dan
5. Mej Anuar bin Abdul Hamid (Bersara) - Veteran ATM.

PERTAMBAHAN -Tamat-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia

27 Mei 2019